

Terma dan Syarat bagi Deposit Perbankan Islam

Terma dan Syarat bagi Deposit Perbankan Islam hendaklah dibaca secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun dan mana-mana terma dan syarat lain yang tertakluk pada Hong Leong Islamic Bank (“**HLISB**” or “**the Bank**”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu, serta peraturan dan undang-undang yang mengikat ke atas HLISB.

1. Definisi dan Tafsiran

1.1. Definisi

Dalam Terma dan Syarat (“**T&S**”) ini, terma dan ungkapan berikut haruslah mempunyai maksud yang ditetapkan kecuali di dalam konteks yang sebaliknya:

“**Ejen**” bermaksud HLISB akan dilantik oleh Pelanggan untuk melakukan Dagangan Komoditi bagi pihak Pelanggan di bawah kontrak Syariah Wakalah dalam perkara-perkara berhubung dengan Tawarruq selaras dengan terma-terma di dalam ini.

“**Platform Dagangan Komoditi**” adalah platform dagangan komoditi yang membolehkan transaksi Tawarruq dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah HLISB.

“**Dagangan Komoditi (CT)**” bermaksud transaksi jual beli yang dilakukan selaras dengan kontrak Syariah Tawarruq.

“**Komoditi**” bermaksud barangan atau aset yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah HLISB. Jenis komoditi yang dipersetujui untuk dibeli adalah mengikut budi bicara mutlak HLISB sebagai ejen bagi Pelanggan mengikut harga yang dipersetujui.

“**Kadar Keuntungan Kontrak (CPR)**” bermaksud kadar yang digunakan untuk mengira jumlah keuntungan Harga Jualan berdasarkan kadar peringkat tertinggi (termasuk keuntungan tambahan/bonus/auto-sweep/lain-lain keuntungan, jika ada) dari CASA-i masing-masing.

“**Tarikh Semasa**” bermaksud hari bila transaksi / peristiwa berlaku.

“**Penyerahan Komoditi**” bermaksud penyerahan Komoditi kepada Pelanggan yang telah memohon untuk mengambil milikan fizikal Komoditi.

“**Kadar Keuntungan Efektif (EPR)**” bermaksud kadar sebenar yang digunakan bagi akruan keuntungan dan perkreditan keuntungan.

“**Penghujung Hari (EOD)**” adalah masa penutupan penghujung hari pada pukul 2359.

“**Hari Apungan**” bermaksud bilangan hari yang diperlukan untuk mejelaskan cek

“Hamish Jiddiyah” ditakrifkan sebagai deposit jaminan yang diletakkan sebagai aku janji untuk pembelian aset sebelum pelaksanaan perjanjian jual beli.

“HLB Connect” bermaksud perkhidmatan perbankan internet dan perkhidmatan aplikasi perbankan mudah alih yang disediakan oleh HLISB.

“Musawamah” bermaksud kontrak penjualan tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli. Untuk tujuan produk CASA-i ini, ia akan digunakan untuk akaun yang tiada keuntungan.

“Murabahah” merujuk kepada jual beli Komoditi di mana kos perolehan / pembelian serta margin dinyatakan kepada pembeli.

“Deposit Bersih” adalah baki EOD pada Hari pertama (1) atau apa-apa kenaikan deposit berikutnya pada baki EOD pada mana-mana hari, tidak termasuk apungan.

“Keuntungan” adalah perbezaan di antara Harga Belian dan Harga Jualan Komoditi.

“Hari Pengkreditan Keuntungan” ialah di mana jumlah keuntungan terakru bagi suatu tempoh tertentu akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang merupakan penyelesaian Harga Jualan oleh HLISB untuk transaksi Murabahah bagi tempoh tersebut.

“Harga Belian” adalah amaun bersamaan dengan Deposit Bersih Pelanggan yang akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Hari Dagangan.

“Rebat” mewakili “pelepasan ke atas hak tuntutan” yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang yang lain yang mempunyai kewajiban yang harus diberi. Dalam hal ini, dengan merujuk kepada perkara 2.14, Rebate diberi oleh Pelanggan kepada HLISB ke atas Harga Jualan.

“Baki Hari” bermaksud bilangan hari dari Tarikh Semasa sehingga Tarikh Tamat Tempoh.

“Deposit Cagaran (SD)” bermaksud amaun yang dibayar oleh HLISB sebagai aku janji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.

“Harga Jualan” bermaksud amaun yang perlu dibayar oleh HLISB untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan berasaskan Murabahah / Musawamah yang terdiri daripada Harga Belian Komoditi (Deposit Bersih) dan Keuntungan (jika ada).

“Sub Ejen” bermaksud HLISB melantik pihak ketiga (penyedia platform dagangan komoditi) berdasarkan kontrak Syariah Wakalah untuk melakukan tindakan tertentu bagi pihak HLISB dalam perkara berkaitan dengan Tawarruq selaras dengan terma dan syarat yang dipersetujui (jika berkenaan).

“Pembekal” bermaksud peniaga komoditi dan/atau pembekal yang berdaftar dengan bursa yang berkaitan dan/atau mana-mana pihak lain yang diterima oleh HLISB.

“Tawarruq” atau juga dikenali sebagai **“Murabahah (melalui pengaturan Tawarruq)”** merujuk kepada suatu pengaturan yang melibatkan beberapa transaksi jual beli. Mekanik yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) HLISB bertindak sebagai Ejen membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan mengikut

Harga Belian.

(b) HLISB, selepas itu, sebagai Ejen kepada Pelanggan menjual Komoditi kepada HLISB mengikut Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan secara bertanggung sepanjang Tempoh (setelah mengambil kira apa-apa Rebat jika ada).

(c) HLISB, selepas itu, menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta.

Selain itu, Tawarruq boleh berlaku di mana Pelanggan menjual Komoditi kepada HLISB berdasarkan Musawamah.

“Tempoh” bermaksud jangka masa dalam hari dari Tarikh Efektif Tempoh hingga Tarikh Tamat Tempoh.

“Tarikh Efektif Tempoh” bermaksud Hari pertama (1) selepas Tarikh Tamat Tempoh dan seterusnya hari Perletakan Deposit Bersih (jika ada).

“Tarikh Tamat Tempoh” merujuk kepada 31 Disember setiap tahun. Keuntungan yang dikreditkan ke dalam akaun pada tarikh ini dianggap sebagai penyelesaian baki Harga Jualan bagi Tempoh tersebut. Untuk akaun dengan baki minimum yang telah dipersetujui, Tarikh Tamat Tempoh adalah pada tarikh pengkreditan keuntungan.

“Hari Dagangan” bermaksud hari-hari bila mana CT dilaksanakan dari Isnin hingga Ahad dan di mana Platform Dagangan Komoditi dibuka untuk dagangan.

“Wakalah” merujuk kepada kontrak di mana satu pihak (Prinsipal/Pelanggan) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (Wakil/Bank) untuk melakukan tugas tertentu dalam hal-hal yang mungkin didedikasikan, baik secara sukarela atau dikenakan yuran.

2. Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (CASA-i)

2.1. Akaun ini adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

2.2. Deposit awal minimum yang diperlukan untuk pembukaan CASA-i dan baki minimum adalah seperti yang ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.

2.3. Tempoh

(a) Bagi CASA-i, tempoh (dalam hari) dikira dari Tarikh Efektif Tempoh hingga Tarikh Tamat Tempoh. Tarikh Efektif adalah:

- (i) Hari pertama (1) selepas Tarikh Tamat Tempoh; atau
- (ii) Pada tarikh pembukaan akaun; atau
- (iii) Jika terdapat Deposit Bersih pada mana-mana hari tertentu.

(b) Keuntungan Terakru yang dikreditkan pada Tarikh Tamat Tempoh dianggap sebagai penyelesaian baki Harga Jualan bagi transaksi Murabahah yang dikontrak terdahulu.

- 2.4. SD mengikut konsep Syariah Hamish Jiddiyah akan dibayar oleh HLISB kepada Pelanggan sebagai aku janji yang dibuat oleh HLISB untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.

(a) SD diperoleh daripada formula berikut yang dikira pada T:

Formula: Deposit Bersih x EPR x 1/365

- (b) Perlaksanaan SD adalah atas akruan harian ke atas Deposit Bersih sebelum CT.
- (c) SD akan dibayar oleh HLISB kepada Pelanggan sebagai aku janji yang dibuat oleh HLISB untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.
- (d) Sebaik sahaja CT dilaksanakan, SD akan menjadi sebahagian daripada Harga Jualan.
- (e) Sebaik sahaja SD dikira, HLISB akan membayar amaun tersebut dan Pelanggan akan mengetahui amaun tersebut. Walau bagaimanapun amaun tersebut tidak boleh digunakan oleh Pelanggan.
- (f) SD akan dikembalikan kepada HLISB sekiranya pembelian Komoditi oleh HLISB daripada Pelanggan tidak berlaku. Walau bagaimanapun, HLISB boleh melepaskan haknya ke atas amaun SD disebabkan penutupan akaun oleh Pelanggan sebelum CT.
- (g) SD akan dikembalikan kepada HLISB sekiranya pembelian Komoditi oleh HLISB daripada Pelanggan tidak berlaku disebabkan oleh pengembalian cek sebelum CT. Walau bagaimanapun, HLISB boleh melepaskan haknya ke atas amaun SD.

2.5. Dagangan Komoditi (CT)

Pelanggan akan mengurus niaga dalam jual beli bagi Komoditi yang patuh Syariah untuk Deposit Bersih seperti berikut:

- (a) CT akan diurusniagakan setiap hari pada Hari Dagangan pada masa yang ditetapkan oleh HLISB;
- (b) Sebagai peraturan am, CT akan dilaksanakan ke atas baki EOD pada Hari pertama (1) atau apabila terdapat Deposit Bersih pada setiap hari berikutnya;
- (c) CT akan didagangkan pada T+1 berdasarkan Deposit Bersih pada T yang merupakan Harga Belian Pelanggan. Harga Belian Pelanggan tidak termasuk cek apungan;
- (d) Bagi CASA-i di mana Keuntungan tertakluk pada baki minimum yang dipersetujui, perkara berikut akan diguna pakai:
- (i) CT akan dijalankan hanya apabila baki EOD pada Hari pertama (1) dalam bulan tersebut adalah bersamaan atau melebihi daripada baki minimum yang dipersetujui;
 - (ii) Sekiranya CT dijalankan pada Hari pertama (1), Keuntungan hanya akan dibayar berdasarkan baki yang terendah sepanjang bulan tersebut;
 - (iii) Sekiranya tiada CT dilakukan pada Hari pertama (1), Keuntungan tidak akan dibayar untuk bulan tersebut.

2.6. Bagi tujuan CT, Pelanggan telah bersetuju untuk melantik HLISB sebagai Ejen untuk

pembelian dan penjualan Komoditi mengikut T&S ini.

Pelanggan bersetuju bahawa HLISB akan bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai Ejen mutlak untuk pembelian dan penjualan Komoditi tersebut. Pelantikan sebagai Ejen akan berkuat kuasa ketika pembukaan akaun. Setiap kontrak jual beli CT mengikat secara automatik dan tidak akan ditamatkan oleh salah satu pihak yang berkontrak.

Pelantikan Ejen akan terhenti setelah penutupan CASA-i.

- 2.7. HLISB, sebagai Ejen Pelanggan akan menjaga kepentingan terbaik Pelanggan dan dengan niat baik semasa:

- (a) peletakan deposit; dan
- (b) pelaksanaan transaksi untuk membeli Komoditi secara tunai ("Transaksi Pembelian") melalui perjanjian pembelian, sijil dan surat cara lain sepenuhnya;

sebagaimana Pelanggan dapat melakukan sendiri dan membuat rundingan dengan pembekal bagi pihak Pelanggan berkaitan dengannya.

- 2.8. Komoditi akan dijual "seperti mana sedia ada" tanpa sebarang representasi atau waranti dan setelah perjanjian pembelian, sijil dan surat cara lain dikeluarkan, semua pihak bersetuju untuk melepaskan liabiliti penjual untuk sebarang kerosakan terhadap Komoditi sebelum memasuki kontrak jual beli. Segala risiko akan dipindahkan kepada pembeli dan penjual bebas daripada sebarang liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Komoditi dalam apa cara sekalipun. Sebarang kerosakan atau kegagalan dalam penyerahan atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Komoditi tidak akan dalam apa cara sekalipun mengakibatkan atau membebaskan segala kewajipan dan aku janji oleh pihak-pihak berkaitan dengan kontrak.

- 2.9. HLISB dengan ini berjanji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan selepas pemilihan konstruktif Komoditi melalui Ejennya sebagaimana dibuktikan melalui e-sijil (atau mana-mana bukti pemilikan lain) daripada Platform Dagangan Komoditi pada Harga Jualan yang dipersetujui (Harga Belian dan Keuntungan). Formula untuk mendapatkan Harga Jualan dinyatakan dalam perkara 2.12.

- 2.10. Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar balik dan membayar HLISB atas permintaan bertulis HLISB terhadap:

- (a) semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh HLISB akibat bertindak sebagai Ejen bagi Pelanggan dalam transaksi CT tersebut;
- (b) atau bagi mana-mana pelanggaran kewajipan Pelanggan;

kecuali untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kegagalan, peninggalan, kecuai, atau pelanggaran kontrak oleh HLISB.

Sekiranya Pelanggan didapati bertanggungjawab oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atas sebarang kerosakan walau apa pun yang tersebut di atas, jumlah keseluruhan liabiliti Pelanggan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal bagi transaksi yang terlibat yang menimbulkan tuntutan tersebut.

- 2.11. Struktur harga akan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu, berdasarkan yang berikut:

- (a) Satu kadar rata tertakluk pada baki minimum;
- (b) Satu kadar rata tanpa tertakluk pada apa-apa minimum;
- (c) Kadar berperingkat tertakluk pada baki secara berperingkat; hanya satu kadar akan dikenakan pada baki EOD pada bila-bila masa;
- (d) Pecahan kadar adalah tertakluk pada baki peringkat yang berikut; kadar berbilang akan dikenakan pada baki EOD (jika berkenaan); dan
- (e) Kadar sifar.

Nota: Untuk (c) dan (d), Keuntungan Kontrak dan Harga Jualan akan sentiasa dikira pada kadar keuntungan tertinggi (termasuk keuntungan tambahan / bonus / *auto-sweep* / lain-lain keuntungan, jika ada).

- 2.12. Pada Hari pertama (1), Keuntungan dan Harga Jualan akan dikira seperti berikut:

- (a) Keuntungan pada Hari 1

Formula: Keuntungan $CT_1 = \text{Baki EOD}_1 \times \text{CPR} \times \text{Tempoh}/365$

- (b) Harga Jualan pada Hari 1

Formula: Baki $EOD_1 + \text{Keuntungan } CT_1$

- 2.13. Selepas Hari 1, sekiranya deposit adalah melebihi pengeluaran iaitu Deposit Bersih, Keuntungan dan Harga Jualan akan dikira seperti berikut:

- (a) Keuntungan

Formula: Keuntungan $CT_n = \text{Baki } (EOD_n - EOD_{n-1}) \times \text{CPR} \times \text{Baki Hari } (N - n)/365$

di mana;

N ialah Tarikh Tamat Tempoh

n ialah Tarikh Semasa

- (b) Harga Jualan

Formula: Baki $(EOD_n - EOD_{n-1}) + \text{Keuntungan } CT_n$

2.14. Rebat oleh Pelanggan akan berlaku pada situasi yang berikut:

- (a) Pengeluaran melebihi deposit pada hari tersebut

Formula: Perbezaan Amaun X CPR X Baki Hari/365

- (b) Perubahan Kenaikan dalam CPR (Pelanggan dan pihak Bank akan memasuki kontrak baharu dengan CPR yang lebih tinggi setelah pembubaran kontrak yang terdahulu)

Formula: Baki EOD X CPR Terdahulu X Baki Hari/365

- (c) Apabila CPR adalah lebih tinggi daripada EPR

Formula: Baki EOD X (CPR – EPR) x1/365

- (d) Bagi CASA-i di mana keuntungan adalah berdasarkan kepada baki minimum yang dipersetujui, Rebat adalah perbezaan di antara Keuntungan CT Hari 1 dan Keuntungan dikreditkan, jika berkenaan.

2.15. HLISB boleh melepaskan hak untuk Rebat yang diberi oleh Pelanggan, dalam bentuk keuntungan tambahan / bonus / *auto-sweep* / lain-lain keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan, jika berkenaan.

2.16. Keuntungan / baki Keuntungan akan dikreditkan pada Tarikh Tamat Tempoh di mana transaksi dianggap sebagai penyelesaian baki Harga Jualan untuk transaksi Murabahah bagi tempoh tersebut.

2.17. Penyata Akaun akan diberikan sebulan sekali atau pada tempoh yang ditetapkan oleh HLISB. Notis Tawarruq yang dijana secara automatik pada setiap bulan memperincikan yang berikut:

- (a) CT bagi bulan tersebut;
- (b) jumlah Keuntungan Tahun-Sehingga-Kini (YTD);
- (c) Keuntungan berkala YTD yang dikreditkan;
- (d) Rebat YTD; dan
- (e) Keuntungan *Auto-Sweep* YTD.

Cara pemberitahuan Notis Tawarruq adalah seperti berikut:

- (i) Bagi Pelanggan individu CASA-i, Pelanggan boleh memuat turun Notis Tawarruq melalui HLB Connect . Bagi Pelanggan bukan individu Akaun Semasa-i, Pelanggan boleh memuat turun melalui Perbankan Internet Korporat (CIB); atau

- (ii) Secara alternatif, Pelanggan boleh meminta salinan cetak Notis Tawarruq daripada mana-mana cawangan HLISB atau Hong Leong Bank Berhad (HLBB).

2.18. Permohonan penyerahan Komoditi

- (a) Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal dan penyerahan Komoditi kepada Pelanggan adalah tertakluk pada syarat-syarat minimum dan perlu memenuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan oleh penyedia platform dagangan komoditi.
- (b) Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLISB atau HLBB pada waktu urus niaga perniagaan; dan
- (c) Pengaturan mengenai penyerahan harus dibuat antara Pelanggan bersama dan penyedia platform dagangan komoditi di mana kos ditanggung sendiri oleh Pelanggan.

3. Akaun Hong Leong Deposit Tetap-i (HLFD-i)

- 3.1. Akaun ini ialah akaun deposit tetap atau akaun berjangka berasaskan prinsip Syariah Murabahah (melalui penyusunan Tawarruq).
- 3.2. Urus niaga Komoditi Murabahah hendaklah dijalankan pada Hari Dagangan.
- 3.3. Bagi tujuan Urus Niaga Komoditi Murabahah, Pelanggan telah bersetuju untuk melantik HLISB sebagai Ejen untuk pembelian dan penjualan menurut Terma dan Syarat ini.
- 3.4. Pelanggan bersetuju bahawa HLISB akan bertindak sebagai Ejen Pelanggan yang mutlak hanya bagi urus niaga Komoditi Murabahah. Setiap kontrak jual beli bagi Komoditi Murabahah transaksi adalah terikat dan tidak boleh ditamatkan oleh salah satu pihak yang berkontrak.
- 3.5. HLISB, sebagai Ejen Pelanggan akan menjaga kepentingan Pelanggan dan dengan suci hati :
 - (a) semasa peletakan deposit atau apa-apa pembaharuannya,
 - (b) menjalankan urus niaga untuk membeli Komoditi secara tunai ("Urus Niaga Pembelian") melalui perjanjian, sijil dan surat cara pembelian lain yang lengkap seperti yang boleh dilakukan sendiri oleh Pelanggan dan berunding dengan Pembekal bagi pihak Pelanggan berhubung dengan perkara tersebut.
- 3.6. Pelanggan dengan ini menawarkan untuk menjual Komoditi kepada HLISB setelah memiliki Komoditi secara konstruktif melalui Ejennya seperti yang dibuktikan oleh e-sijil (atau sebarang bukti pemilikan) daripada Pembekal pada Harga Jualan yang dipersetujui (kos termasuk margin) yang ditentukan semasa peletakan deposit.
- 3.7. Komoditi tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertimana sedia ada" tanpa apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengannya dan semasa pengeluaran perjanjian pembelian, sijil dan surat cara lain; pihak-pihak bersetuju untuk mengetepikan liabiliti penjual bagi apa-apa kecacatan pada komoditi sebelum memasuki ke dalam jual beli kontrak. Semua risiko adalah kepada pembeli dan penjual hendaklah dibebaskan daripada apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau obligasi yang berhubungan dengan Komoditi dalam apa-apa bentuk atau cara sekalipun. Apa-apa kecacatan atau kegagalan penghantaran atau mana-mana pertikaian berhubung dengan Komoditi tidak boleh dalam apa-apa cara menjejaskan atau membebaskan pihak yang berkontrak kewajipan atau akujanji di bawah ini.
- 3.8. HLISB dengan ini berjanji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan apabila memiliki Komoditi konstruktif melalui Ejen yang dibuktikan dengan e-sijil (atau apa-apa keterangan lain mengenai pemilikan) dari platform perdagangan komoditi yang dipersetujui pada Harga Jualan (kos termasuk margin) ditentukan semasa peletakan deposit.
- 3.9. Permohonan penyerahan Komoditi merujuk kepada perkara 2.18 di atas.

3.10. Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar balik HLISB atas permintaan bertulis HLISB untuk menanggung rugi HLISB terhadap:-

- (a) semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak terhadap HLISB akibat bertindak sebagai Ejen bagi Pelanggan dalam transaksi perdagangan komoditi atau
- (b) bagi mana-mana pelanggaran kewajiban Pelanggan. Perjanjian ini akan berterusan walaupun penamatan agensi HLISB.

Pengecualian untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengingkaran, peninggalan, kecuai, pelanggaran kontrak oleh pihak HLISB. Sekiranya Pelanggan bertanggungjawab oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atas sebarang kerosakan walau apa pun yang tersebut di atas, jumlah keseluruhan liabiliti Pelanggan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal bagi urusan yang terlibat yang menimbulkan tuntutan tersebut.

T&S ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat bagi setiap produk / akaun yang tersenarai di dalam Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kekaburan atau pertikaian dalam T&S ini dan Terma dan Syarat bagi setiap produk / akaun, maka Terma dan Syarat bagi setiap produk/ akaun akan diguna pakai.

Ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.